



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

ANALISIS INDEKS HARGA PENGELUAR TAHUNAN

ANALYSIS OF ANNUAL PRODUCER PRICE INDEX

2025

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Diterbit dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	: 03-8885 7000
Faks	: 03-8888 9248
Portal	: https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / YouTube	: StatsMalaysia
E-mel / <i>Email</i>	: info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / <i>general inquiries</i>) data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / <i>data request & enquiries</i>)

Harga / *Price* : RM15.00

Diterbitkan pada Julai 2026 / *Published in July 2026*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISSN 2811 - 4507

KATA PENGANTAR

Analisis Indeks Harga Pengeluar Tahunan 2025 diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang memaparkan statistik tahunan bagi siri masa 2011 hingga 2025 merangkumi dua (2) statistik utama iaitu Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan dan Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP).

Penyusunan statistik IHPR Pengeluaran Tempatan adalah berdasarkan konsep dan garis panduan daripada *Producer Price Index Manual: Theory and Practice, 2004* yang diterbitkan oleh *International Monetary Fund* (IMF), manakala IHPRP pula merujuk kepada *Methodological Guide for Developing Producer Price Indices for Services* yang diterbitkan oleh *Organisation for Economic Co-operation & Development* (OECD), Eurostat dan Joint Eurostat-OECD Task Force.

IHPR Pengeluaran Tempatan mengukur purata perubahan harga barangan di peringkat pengeluar yang dikenakan oleh pengeluar tempatan dalam sesuatu industri. Indeks ini merangkumi lima sektor iaitu Pertanian, perhutanan & perikanan; Perlombongan; Pembuatan; Bekalan elektrik & gas dan Bekalan air. Manakala IHPRP mengukur perubahan harga yang dikenakan oleh industri perkhidmatan tempatan. Indeks ini merangkumi lapang subsektor perkhidmatan terpilih iaitu Pengangkutan; Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman; Maklumat & komunikasi; Aktiviti hartanah; Profesional; Pendidikan; Kesihatan dan Kesenian, hiburan & rekreasi.

Setiap bahagian dalam penerbitan ini dilengkapi dengan infografik, ringkasan penemuan, jadual statistik dan nota teknikal yang menerangkan konsep dan definisi bagi membantu pengguna memahami statistik yang dikeluarkan.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan penerbitan ini. Maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan pada masa akan datang amat dihargai.

Jabatan Perangkaan Malaysia

Julai 2026

PREFACE

The Analysis of Annual Producer Price Index, 2025 published by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) which presents annual statistics for the time series of 2011 to 2025 includes two (2) main statistics, namely Producer Price Index (PPI) Local Production and Services Producer Price Index (SPPI).

The statistics compilation of PPI Local Production is based on concepts and guidelines from the Producer Price Index Manual: Theory and Practice, 2004 published by the International Monetary Fund (IMF), while the SPPI refers to the Methodological Guide for Developing Producer Price Indices for Services published by the Organisation for Economic Co-operation & Development (OECD), Eurostat and a Joint Eurostat-OECD Task Force.

PPI Local Production measures the average price changes of goods at the producer level charged by local producers in the industry. The index covers five sectors: Agriculture, forestry & fishing; Mining; Manufacturing; Electricity & gas supply and Water supply. Meanwhile, SPPI measures changes in prices charged by the local services industry. The index covers eight selected services sub-sectors, namely Transportation; Accommodation and food & beverage service activities; Information & communication; Real estate activities; Professional; Education; Health and Arts, entertainment & recreation.

Each section in this publication is provided with infographics, summary of findings, statistical tables and technical notes that explain the concepts and definitions to assist users in understanding the published statistics.

The Department gratefully acknowledges the cooperation and contribution rendered by all parties in making this publication a success. The feedback and suggestion to improve in the future are highly appreciated.

Department of Statistics Malaysia

July 2026

INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN

***PRODUCER PRICE INDEX (PPI)
LOCAL PRODUCTION***

KANDUNGAN

CONTENTS

INDEKS HARGA PENGELUAR

PRODUCER PRICE INDEX

01	SEPINTAS LALU <i>SNAPSHOT</i>	3 4
02	RINGKASAN PENEMUAN <i>SUMMARY OF FINDINGS</i>	7 21
03	JADUAL IHPR <i>PPI TABLES</i>	65
04	NOTA TEKNIKAL <i>TECHNICAL NOTES</i>	95 104

SENARAI JADUAL

LIST OF TABLE

INDEKS HARGA PENGELUAR PRODUCER PRICE INDEX

Jadual
Table

Muka Surat
Page

1	Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (MSIC 2008), Seksyen Barangan (SITC 4.0) dan Peringkat Pemprosesan, Malaysia, 2011-2025 <i>Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector (MSIC 2008), Commodity Section (SITC 4.0) and Stage of Processing, Malaysia, 2011-2025</i>	65
2	Perubahan Peratus Tahunan IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (MSIC 2008), Seksyen Barangan (SITC 4.0) dan Peringkat Pemprosesan, Malaysia, 2011-2025 <i>Annual Percentage Change of PPI Local Production by Sector (MSIC 2008), Commodity Section (SITC 4.0) and Stage of Processing, Malaysia, 2011-2025</i>	66
3	Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, Bahagian dan Kumpulan (MSIC 2008), Malaysia, 2011-2025 <i>Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector, Division and Group (MSIC 2008), Malaysia, 2011-2025</i>	67
4	Perubahan Peratus Tahunan IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor, Bahagian dan Kumpulan (MSIC 2008), Malaysia, 2011-2025 <i>Annual Percentage Change of PPI Local Production by Sector, Division and Group (MSIC 2008), Malaysia, 2011-2025</i>	73
5	Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan, Malaysia, 2011-2025 <i>Producer Price Index (PPI) Local Production by Stage of Processing, Malaysia, 2011-2025</i>	79
6	Perubahan Peratus Tahunan IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan, Malaysia, 2011-2025 <i>Annual Percentage Change of PPI Local Production by Stage of Processing, Malaysia, 2011-2025</i>	81
7	Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Ekonomi Domestik mengikut Sektor (MSIC 2008) dan Seksyen Barangan (SITC 4.0), Malaysia, 2011-2025 <i>Producer Price Index (PPI) Domestic Economy by Sector (MSIC 2008) and Commodity Section (SITC 4.0), Malaysia, 2011-2025</i>	83
8	Perubahan Peratus Tahunan IHPR Ekonomi Domestik mengikut Sektor (MSIC 2008) dan Seksyen Barangan (SITC 4.0), Malaysia, 2011-2025 <i>Annual Percentage Change of PPI Domestic Economy by Sector (MSIC 2008) and Commodity Section (SITC 4.0), Malaysia, 2011-2025</i>	84

SEPINTAS LALU IHPR

*SNAPSHOT
PPI*



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

INDEKS HARGA PENGELUAR

PENGELUARAN TEMPATAN 2025

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran
Tempatan menurun **2.0 peratus** pada **2025**

2023

-1.9%

2024

0.3%

2025

-2.0%

IHPR MENGIKUT SEKTOR



Pertanian, perhutanan dan
perikanan

2023

2024

2025

-13.8%

7.9%

3.2%



Perlombongan

2023

2024

2025

-5.9%

-2.0%

-8.2%



Pembuatan

2023

2024

2025

-0.2%

-0.3%

-2.1%



Bekalan elektrik & gas

2023

2024

2025

0.4%

0.6%

1.9%



Bekalan air

2023

2024

2025

2.4%

6.5%

4.7%

IHPR MENGIKUT PERINGKAT PEMROSESAN



Bahan mentah untuk
diproseskan selanjutnya

2023

2024

2025

-9.6%

0.7%

-3.7%



Bahan perantaraan,
bekalan dan komponen

2023

2024

2025

-1.2%

-0.5%

-1.8%



Barang siap

2023


2024

2025

3.1%

1.9%

-1.2%



Sumber: Analisis Indeks Harga Pengeluar Tahunan 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia

B26
BANCI EKONOMI 2026
DATA NADI EKONOMI RAKYAT

MALAYSIA
MADANI
kesejahteraan

ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
KEMPAT PERILAKU
DI DUNIA

20 Oktober

2016 - 2030



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

PRODUCER PRICE INDEX

LOCAL PRODUCTION 2025

Producer Price Index (PPI) Local Production
decreased by **2.0 per cent** in **2025**

2023

-1.9%

2024

0.3%

2025

-2.0%

PPI BY SECTOR



Agriculture, forestry and
fishing

2023	2024	2025
-13.8%	7.9%	3.2%



Mining

2023	2024	2025
-5.9%	-2.0%	-8.2%



Manufacturing

2023	2024	2025
-0.2%	-0.3%	-2.1%



Electricity & gas supply

2023	2024	2025
0.4%	0.6%	1.9%



Water supply

2023	2024	2025
2.4%	6.5%	4.7%

PPI BY STAGE OF PROCESSING



Crude materials for
further processing

2023	2024	2025
-9.6%	0.7%	-3.7%




Intermediate materials,
supplies and
components

2023	2024	2025
-1.2%	-0.5%	-1.8%



Finished goods

2023	2024	2025
3.1%	1.9%	-1.2%



Source: Analysis of Annual Producer Price Index 2025, Department of Statistics Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia

BANI 26
BANKI EKONOMI 2026
DATA NADI EKONOMI RAKYAT

MALAYSIA
MADANI
kesejahteraan

ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
KEMPAT PERILAKU
DI DUNIA

20 Oktober

2016 - 2030

RINGKASAN PENEMUAN IHPR

***SUMMARY OF
FINDINGS
PPI***

Pengenalan

Pertumbuhan ekonomi global kekal berdaya tahan pada kadar 3.4 peratus pada 2025 (2024: 3.3%) meskipun berdepan ketegangan geopolitik yang berterusan, ketidaktentuan dasar perdagangan yang tinggi serta prestasi ekonomi yang tidak sekata antara rantau.¹ Menurut Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), pertumbuhan global dijangka kekal stabil pada kadar 3.3 peratus pada 2026, disokong oleh pasaran buruh yang kukuh, tekanan inflasi yang semakin reda serta keadaan kewangan yang bertambah baik, walaupun risiko ketegangan geopolitik terus memberi tekanan kepada prospek ekonomi dunia.²

Ekonomi Malaysia berkembang 5.2 peratus pada 2025, disokong oleh permintaan domestik yang berterusan serta aktiviti pelaburan yang kekal kukuh. Ekonomi Malaysia pada 2026 dijangka terus berkembang dan mendapat manfaat daripada kedudukan strategik Malaysia dalam rangkaian bekalan semikonduktor dan teknologi global, selain pemulihan secara beransur-ansur dalam aktiviti perdagangan dunia.³

Inflasi global keseluruhan dijangka menurun kepada 4.2 peratus pada tahun 2025 berbanding 5.8 peratus pada tahun 2024, mencerminkan pengurangan tekanan harga global yang berterusan. Keadaan ini dijangka disokong oleh harga tenaga yang lebih rendah, inflasi makanan yang semakin sederhana serta pemulihan secara beransur-ansur rangkaian bekalan global.²

Harga komoditi global dijangka meningkat pada tahun 2026, terutamanya didorong oleh kenaikan ketara harga tenaga susulan ketegangan geopolitik serta gangguan bekalan di Timur Tengah. Peningkatan konflik di rantau tersebut telah menyebabkan harga minyak mentah, gas asli dan baja meningkat, sekali gus menyumbang kepada tekanan inflasi yang kembali meningkat serta pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan. Menjelang tahun 2027, harga komoditi dijangka beransur sederhana sejajar dengan penambahbaikan keadaan bekalan dan pengurangan ketegangan geopolitik. Walau bagaimanapun, risiko yang berpunca daripada konflik yang berpanjangan, ketidaktentuan dasar perdagangan serta gangguan berkaitan iklim terus membayangi prospek tersebut.²

¹ Merujuk kepada *Economic and Monetary Review 2024* oleh Bank Negara Malaysia, Mac 2026


² Merujuk kepada *IMF, World Economic Outlook, April 2026*

³ Merujuk kepada *Economic Outlook 2025* oleh MOF

Indeks Harga Pengeluar Keseluruhan 2025


Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan menurun sebanyak 2.0 peratus pada 2025 berbanding peningkatan 0.3 peratus yang direkodkan pada 2024. Ketidaktentuan harga komoditi, khususnya produk petroleum, terus mempengaruhi pergerakan pasaran sepanjang tahun. [\[Carta 1\]](#)

Carta 1: IHPR Pengeluaran Tempatan Tahunan, 2011-2025



Tahun 2025 bermula dengan peningkatan 0.8 peratus pada Januari 2025, diikuti dengan kenaikan perlahan 0.3 peratus pada Februari 2025. Selepas itu, indeks tersebut merekodkan penurunan secara berterusan, daripada 1.9 peratus pada Mac 2025 kepada 2.7 peratus pada Disember 2025. Penyusutan tertinggi dicatatkan pada Jun 2025 iaitu sebanyak 4.2 peratus, manakala peningkatan tertinggi direkodkan pada Januari 2025 sebanyak 0.8 peratus. Pergerakan IHPR sepanjang tahun banyak dipengaruhi oleh perubahan harga komoditi utama, khususnya minyak sawit dan produk minyak mentah. [\[Carta 2\]](#)

Carta 2: IHPR Pengeluaran Tempatan Bulanan, 2025




Indeks Harga Pengeluar mengikut Sektor

IHPR Pengeluaran Tempatan menurun 2.0 peratus pada 2025, berbanding peningkatan 0.3 peratus pada 2024. Penurunan tahunan ini terutamanya disebabkan oleh penguncupan dalam sektor Perlombongan (-8.2%) dan Pembuatan (-2.1%). Sebaliknya, sektor Pertanian, perhutanan dan perikanan meningkat 3.2 peratus, dan sektor Bekalan air serta Bekalan elektrik dan gas masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 4.7 peratus dan 1.9 peratus. **[Jadual 1]**

Jadual 1: IHPR mengikut Sektor, 2024 dan 2025

Sektor	Indeks		Perubahan Peratus (%)	
	2024	2025	2024	2025
Indeks Harga Pengeluar	118.9	116.5	0.3	-2.0
Pertanian, perhutanan dan perikanan	134.7	139.0	7.9	3.2
Perlombongan	96.1	88.2	-2.0	-8.2
Pembuatan	120.1	117.6	-0.3	-2.1
Bekalan elektrik dan gas	118.6	120.8	0.6	1.9
Bekalan air	125.7	131.6	6.5	4.7

Carta 3: Perubahan Peratus Tahunan IHPR mengikut Sektor, 2024 dan 2025



A Pertanian, Perhutanan dan Perikanan


Sektor Pertanian, perhutanan dan perikanan mencatatkan peningkatan 3.2 peratus pada 2025, selepas kenaikan 7.9 peratus pada 2024. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh indeks Penanaman tanaman kekal yang meningkat 5.3 peratus (2024: 14.1%), disumbangkan oleh kenaikan indeks buah tandan segar (BTS) kelapa sawit (5.4%). Subsektor lain yang turut

merekodkan peningkatan pada 2025 adalah Penanaman tanaman tidak kekal (2.0%), Perikanan (1.6%), Akuakultur (0.2%) dan Pengeluaran ternakan (0.1%). Sebaliknya, indeks Pembalakan mencatatkan penurunan 6.9 peratus. [Jadual 2]

Jadual 2: Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan, 2024 dan 2025

Sektor (A)	Indeks		Perubahan Peratus (%)	
	2024	2025	2024	2025
Pertanian, perhutanan dan perikanan	134.7	139.0	7.9	3.2
Penanaman tanaman tidak kekal	135.8	138.5	-4.8	2.0
Penanaman tanaman kekal	127.3	134.0	14.1	5.3
Pengeluaran ternakan	142.3	142.5	1.2	0.1
Pembalakan	177.2	164.9	-2.6	-6.9
Perikanan	158.1	160.6	-4.4	1.6
Akuakultur	140.4	140.7	-0.3	0.2

Carta 4: Perubahan Peratus Tahunan Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan, 2015-2025



Secara purata, harga BTS pada kadar perahan minyak (OER) 1.0 peratus meningkat daripada RM44.98 pada 2024 kepada RM47.39 pada 2025. Keadaan tenaga buruh yang bertambah baik dalam sektor perladangan kelapa sawit telah menyumbang kepada peningkatan hasil BTS ladang kelapa sawit sebanyak 6.4 peratus kepada 17.77 tan sehektar berbanding 16.70 tan sehektar pada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, prestasi OER nasional meningkat secara sederhana kepada 19.74 peratus berbanding 19.67 peratus pada 2024, terutamanya disebabkan oleh peningkatan peratusan BTS matang dan berkualiti yang diproses oleh pengeluar minyak sawit mentah (MSM).⁴

⁴ Merujuk kepada *Overview of The Malaysian Oil Palm Industry in 2025* oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia

Peningkatan indeks Penanaman tanaman tidak kekal pula didorong oleh harga buah-buahan dan sayur-sayuran yang lebih tinggi, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, gangguan bekalan akibat faktor cuaca serta peningkatan kos input. Sementara itu, subsektor Perikanan mendapat manfaat daripada harga makanan laut yang lebih kukuh berikutan kekangan bekalan yang berkaitan dengan keadaan cuaca bermusim. Manakala kenaikan dalam subsektor Pengeluaran ternakan mencerminkan permintaan yang berterusan terhadap produk ternakan serta peningkatan kos pengeluaran.


B **Perlombongan**

Sektor Perlombongan terus mencatatkan penurunan 8.2 peratus pada 2025 berbanding penyusutan 2.0 peratus pada tahun sebelumnya. Indeks Pengekstrakan petroleum mentah menurun 8.6 peratus, berbanding penurunan 2.8 peratus pada 2024. Sementara itu, indeks Pengekstrakan gas asli merekodkan penyusutan 6.9 peratus, selepas mencatatkan penurunan 0.2 peratus pada tahun sebelumnya. **[Jadual 3]**

Jadual 3: Sektor Perlombongan, 2024 dan 2025

Sektor (B)	Indeks		Perubahan Peratus (%)	
	2024	2025	2024	2025
Perlombongan	96.1	88.2	-2.0	-8.2
Pengekstrakan petroleum mentah	91.9	84.0	-2.8	-8.6
Pengekstrakan gas asli	116.2	108.2	-0.2	-6.9

Carta 5: Perubahan Peratus Tahunan Sektor Perlombongan, 2015-2025



Harga minyak mentah Brent secara umumnya menunjukkan trend menurun sepanjang 2025 berikutan kebimbangan terhadap pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan serta jangkaan bekalan minyak yang mencukupi. Tahun tersebut bermula dengan harga yang agak kukuh, dengan purata sekitar USD79 setong pada Januari 2025, disokong oleh ketegangan geopolitik dan langkah kawalan pengeluaran oleh negara-negara pengeluar OPEC+. Walau bagaimanapun, harga mula menyederhana secara beransur-ansur pada suku pertama apabila kebimbangan terhadap pertumbuhan permintaan global semakin meningkat, khususnya berikutan petunjuk aktiviti ekonomi yang lebih perlahan di beberapa ekonomi utama dunia.²

Pada separuh kedua 2025, harga minyak mentah Brent kekal tertekan apabila OPEC+ secara beransur-ansur meningkatkan sasaran pengeluaran manakala penggunaan minyak global berkembang pada kadar yang lebih perlahan berbanding pertumbuhan bekalan. Pasaran menjangkakan lebihan bekalan, sekali gus menyebabkan harga terus sederhana. Walaupun berlaku peningkatan harga sementara akibat ketegangan geopolitik dan gangguan terhadap infrastruktur minyak, trend keseluruhan kekal perlahan apabila inventori minyak global terus meningkat.⁵

Secara keseluruhan, harga minyak mentah Brent mencatat purata sekitar USD69 setong pada tahun 2025, lebih rendah berbanding purata kira-kira USD81 setong pada 2024. Penurunan ini mencerminkan gabungan faktor pertumbuhan permintaan yang lebih perlahan, peningkatan bekalan minyak global serta jangkaan lebihan bekalan yang berterusan dalam pasaran. Menjelang akhir tahun, harga minyak mentah Brent telah menurun kepada sekitar USD63 setong, sekali gus mencatatkan purata bulanan terendah sejak awal 2021.

Pembuatan

Sektor Pembuatan terus merekodkan penurunan 2.1 peratus pada 2025, selepas turun 0.3 peratus pada tahun sebelumnya. Penurunan ini disebabkan oleh penyusutan dalam indeks Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis yang mencatatkan penurunan 12.8 peratus (2024: -12.7%). Indeks Pembuatan kimia dan produk kimia dan Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal masing-masing turut merekodkan penurunan 5.0 peratus dan 4.4 peratus. Walau bagaimanapun, penurunan tersebut sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan dalam indeks Pembuatan produk makanan 5.8 peratus.

[Jadual 4]


² Merujuk kepada IMF, *World Economic Outlook*, April 2026

⁵ Merujuk kepada U.S Energy Information Administration, Januari 2026

Jadual 4: Indeks Terpilih Sektor Pembuatan, 2024 dan 2025

Sektor (C)	Indeks		Perubahan Peratus (%)	
	2024	2025	2024	2025
Pembuatan	120.1	117.6	-0.3	-2.1
Pembuatan produk makanan	122.4	129.5	1.3	5.8
Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis	132.6	115.6	-12.7	-12.8
Pembuatan kimia dan produk kimia	120.9	114.8	-0.8	-5.0
Pembuatan produk getah dan plastik	101.5	100.6	0.6	-0.9
Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal	119.3	114.1	4.9	-4.4
Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler	124.2	123.2	3.9	-0.8

Carta 6: Perubahan Peratus Tahunan Sektor Pembuatan Terpilih, 2015-2025



Pada masa yang sama, indeks Pembuatan kimia dan produk kimia menurun 5.0 peratus berbanding penyusutan 0.8 peratus pada 2024. Penurunan ini disebabkan oleh indeks Pembuatan kimia asas, baja dan sebatian nitrogen, plastik dan getah sintetik dalam bentuk primer yang menurun 5.8 peratus, dan indeks Pembuatan produk kimia lain mencatatkan penyusutan 2.0 peratus. Indeks Pembuatan serat buatan manusia turut merekodkan penurunan dua digit 20.9 peratus.

Sementara itu, indeks Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal menurun 4.4 peratus pada 2025, berbanding peningkatan 4.9 peratus pada 2024. Penurunan ini disumbangkan oleh penyusutan dalam indeks Pembuatan komputer dan kelengkapan peranti

(-8.8%), Pembuatan peralatan komunikasi (-8.1%) dan Pembuatan komponen dan papan elektronik (-3.4%).

Indeks Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler menurun 0.8 peratus berbanding peningkatan 3.9 peratus pada 2024. Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh penyusutan dalam indeks Pembuatan alat ganti dan aksesori untuk kenderaan bermotor sebanyak 5.5 peratus, tetapi sebahagiannya diimbangi oleh kenaikan dalam indeks Pembuatan kenderaan bermotor sebanyak 2.4 peratus.

Indeks Pembuatan produk makanan meningkat 5.8 peratus pada 2025, berbanding 1.3 peratus pada tahun sebelumnya. Indeks Pembuatan minyak dan lemak daripada sayuran dan haiwan yang merangkumi produk berasaskan minyak sawit dan isirung sawit meningkat 8.7 peratus (2024: 1.8%). Pada masa yang sama, indeks Pembuatan produk makanan lain yang merangkumi pembuatan biskut, kek, roti dan sebagainya turut meningkat 3.4 peratus (2024: 3.0%).

Harga MSM Malaysia mencatatkan peningkatan yang ketara pada 2025 dengan purata harga tahunan meningkat kepada RM4,308.17 per tan berbanding RM4,212.46 per tan pada 2024. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menjelaskan bahawa pengukuhan harga secara keseluruhan didorong terutamanya oleh kenaikan harga minyak kacang soya global serta sentimen positif pasaran terhadap perancangan pelaksanaan program biodiesel B50 di Indonesia. Harga MSM bermula kukuh pada 2025 berikutan kekangan bekalan dan kemudiannya meningkat semula pada separuh kedua tahun susulan optimistik terhadap program biodiesel serta pengukuhan pasaran minyak sayuran global sebelum menyederhana sedikit menjelang hujung 2025.⁴ [\[Jadual 5\]](#)

Sementara itu, indeks Pembuatan produk getah dan plastik yang mengandungi produk getah dan plastik mencatatkan penurunan 0.9 peratus pada 2025 berbanding peningkatan 0.6 peratus pada 2024. Penurunan ini didorong oleh penyusutan dalam indeks Pembuatan produk plastik iaitu 2.4 peratus.

Jadual 5: Harga Bulanan Produk Sawit Terpilih, 2024 dan 2025

HARGA MPOB RM PER TAN/ METRIK		Minyak Sawit Mentah	Minyak Mentah Isirung Sawit	Buah Tandan Kelapa Sawit Segar	Minyak Sawit RBD
2024	Januari	3,783.50	3,990.00	39.28	4,006.00
	Februari	3,949.50	4,225.00	41.03	4,090.00
	Mac	4,215.50	4,744.00	44.36	4,465.00
	April	4,254.50	5,396.00	45.01	4,533.00
	Mei	3,902.50	4,765.00	41.07	4,069.50
	Jun	3,957.50	4,764.50	41.87	4,101.50
	Julai	4,034.00	5,421.50	43.20	4,191.00
	Ogos	3,910.50	5,437.00	41.81	4,124.50
	September	4,023.50	5,573.50	42.84	4,190.50
	Oktober	4,387.50	6,043.50	47.03	4,562.00
	November	5,011.50	8,007.00	55.52	5,253.00
	Disember	5,119.50	8,224.00	56.71	5,480.00
	PURATA	4,212.46	5,549.25	44.98	4,422.17
2025	Januari	4,672.50	7,688.50	51.88	4,978.00
	Februari	4,759.00	7,547.00	52.75	4,966.00
	Mac	4,740.00	7,739.00	52.50	4,822.00
	April	4,319.50	7,864.50	47.96	4,517.00
	Mei	3,880.50	7,323.50	43.20	3,987.50
	Jun	3,969.00	6,127.50	42.63	4,022.00
	Julai	4,112.50	6,835.00	44.79	4,202.50
	Ogos	4,329.00	7,458.00	47.35	4,439.00
	September	4,371.50	7,859.00	48.36	4,481.50
	Oktober	4,412.50	7,730.50	48.68	4,476.00
	November	4,089.50	7,092.00	44.75	4,158.50
	Disember	4,042.50	6,935.50	43.79	4,090.00
	PURATA	4,308.17	7,350.00	47.39	4,428.33

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Indeks Harga Pengeluar mengikut Seksyen Barangan

Dari segi IHPR mengikut seksyen barangan, kebanyakan indeks merekodkan penurunan pada 2025. Penurunan dicatatkan bagi indeks Bahan api, galian pelincir, dll. (-9.4%), Bahan kimia (-3.7%), Barang-barang keluaran kilang (-2.9%), Jentera dan kelengkapan pengangkutan (-2.4%) dan Pelbagai barangan keluaran kilang (-0.4%). Sementara itu, peningkatan direkodkan bagi Minyak dan lemak daripada haiwan dan sayuran (8.6%), Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan (3.3%), Minuman dan tembakau (3.3%) dan Makanan (0.4%). [\[Carta 7\]](#)


Carta 7: Perubahan Peratus Tahunan IHPR mengikut Seksyen Barangan, 2024 dan 2025



Indeks Harga Pengeluar mengikut Peringkat Pemprosesan

Semua peringkat pemprosesan menunjukkan penurunan pada 2025. Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya menurun sebanyak 3.7 peratus, berbanding peningkatan 0.7 peratus pada 2024. Sementara itu, indeks Bahan perantaraan, bekalan dan komponen menyusut 1.8 peratus selepas mencatatkan penurunan 0.5 peratus pada tahun sebelumnya. Indeks Barang siap menurun 1.2 peratus pada 2025, berbanding peningkatan 1.9 peratus pada tahun sebelumnya. [\[Carta 8\]](#)

Carta 8: Perubahan Peratus Tahunan IHPR mengikut Peringkat Pemprosesan, 2024 dan 2025



Peringkat Pemprosesan 1:


Bahan Mentah untuk Diproseskan Selanjutnya

Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya menurun 3.7 peratus, berbanding peningkatan 0.7 peratus pada 2024. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan 4.7 peratus pada indeks Bahan bukan makanan (2024: 0.6%), terutamanya dalam Bahan api mentah (-10.2%). Walau bagaimanapun, indeks Bahan makanan dan makanan untuk binatang meningkat sebanyak 1.2 peratus pada tahun 2025 (2024: 0.3%). [\[Jadual 6\]](#)

Jadual 6: Bahan Mentah untuk Diproseskan Selanjutnya, 2024 dan 2025

Peringkat Pemprosesan 1	Indeks		Perubahan Peratus (%)	
	2024	2025	2024	2025
Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya	117.5	113.1	0.7	-3.7
Bahan makanan dan makanan untuk binatang	138.5	140.2	0.3	1.2
Bahan bukan makanan	111.8	106.5	0.6	-4.7
Bahan bukan makanan kecuali bahan api	125.1	131.0	12.8	4.7
Bahan api mentah	104.6	93.9	-5.2	-10.2

Carta 9: Perubahan Peratus Tahunan Bahan Mentah untuk Diproseskan Selanjutnya, 2015-2025



Peringkat Pemprosesan 2:

Bahan Perantaraan, Bekalan dan Komponen


Penurunan marginal sebanyak 1.8 peratus dalam indeks Bahan perantaraan, bekalan dan komponen disebabkan oleh penyusutan dalam indeks Bahan api yang diproses dan pelincir (-8.5%), Bekalan (-1.2%) dan Bekas (-0.9%). Walau bagaimanapun, indeks Bahan dan komponen untuk pembinaan (1.4%) dan Bahan dan komponen untuk pembuatan (0.2%) mencatatkan peningkatan pada tahun 2025. [\[Jadual 7\]](#)

Sementara itu, Indeks Bahan untuk pembuatan makanan meningkat 8.6 peratus. Pada masa yang sama, indeks Bahan untuk pembuatan lain yang merangkumi produk minyak sawit (minyak sawit RBD, olein sawit) menurun 1.7 peratus.

Jadual 7: Bahan Perantaraan, Bekalan dan Komponen, 2024 dan 2025

Peringkat Pemprosesan 2	Indeks		Perubahan Peratus (%)	
	2024	2025	2024	2025
Bahan perantaraan, bekalan dan komponen	124.6	122.4	-0.5	-1.8
Bahan dan komponen untuk pembuatan	120.3	120.5	1.3	0.2
Bahan untuk pembuatan makanan	126.0	136.8	3.9	8.6
Bahan untuk pembuatan lain	120.9	118.8	0.8	-1.7
Bahan dan komponen untuk pembinaan	116.8	118.4	1.5	1.4
Bahan api yang diproses dan pelincir	127.0	116.2	-9.2	-8.5
Bekas	109.1	108.1	-4.8	-0.9
Bekalan	143.0	141.3	3.8	-1.2
Industri pembuatan	140.9	137.7	2.5	-2.3
Industri bukan pembuatan	143.1	143.8	5.7	0.5

Carta 10: Perubahan Peratus Tahunan Bahan Perantaraan, Bekalan dan Komponen, 2015-2025



Peringkat Pemprosesan 3:

Barang Siap

Indeks Barang siap menurun 1.2 peratus pada tahun 2025 berbanding peningkatan 1.9 peratus pada 2024. Penurunan ini disebabkan oleh penyusutan 1.7 peratus dalam indeks Kelengkapan modal dan penurunan 0.5 peratus dalam indeks Barangan pengguna siap.

[Jadual 8]

Penurunan dalam indeks Kelengkapan modal disebabkan oleh penyusutan indeks Industri bukan pembuatan sebanyak 3.4 peratus. Sementara itu, indeks Barangan pengguna siap dipengaruhi oleh penurunan 1.6 peratus dalam indeks Barangan pengguna siap kecuali makanan.


Jadual 8: Barang Siap, 2024 dan 2025

Peringkat Pemprosesan 3	Indeks		Perubahan Peratus (%)	
	2024	2025	2024	2025
Barang siap	108.2	106.9	1.9	-1.2
Barangan pengguna siap	114.0	113.4	-0.8	-0.5
Makanan pengguna siap	131.3	133.3	1.2	1.5
Barangan pengguna siap kecuali makanan	106.9	105.2	-1.7	-1.6
Kelengkapan modal	105.8	104.0	3.9	-1.7
Industri pembuatan	103.2	104.1	2.9	0.9
Industri bukan pembuatan	107.0	103.4	4.5	-3.4


Indeks Barangan pengguna siap dipengaruhi oleh pergerakan dalam indeks Makanan pengguna siap dan Barangan pengguna siap kecuali makanan. Indeks Barangan pengguna siap lazimnya dibandingkan dengan Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi analisis trend harga pengguna. Secara khusus, indeks Makanan pengguna siap yang merupakan komponen dalam Barangan pengguna siap sering dibandingkan dengan kumpulan Makanan dan minuman bukan alkohol dalam IHP.

Indeks Makanan pengguna siap meningkat 1.5 peratus pada 2025, berbanding peningkatan 1.2 peratus pada 2024. Trend ini sejajar dengan pergerakan kumpulan Makanan dan minuman dalam IHP yang masing-masing meningkat 2.1 peratus pada 2025 dan 2.0 peratus pada 2024.⁶ [Carta 12]

Carta 11: Perubahan Peratus Tahunan Barang Siap, 2015-2025



Carta 12: Perubahan Peratus Tahunan Makanan Pengguna Siap dan Makanan dan Minuman, 2015-2025



⁶ Berdasarkan Analisis Indeks Harga Pengguna Tahunan 2025

Introduction

Global growth remained resilient at 3.4 per cent in 2025 (2024: 3.3%) despite persistent geopolitical tensions, elevated trade policy uncertainty and uneven economic performance across regions.¹ According to the International Monetary Fund (IMF), global growth is projected to remain broadly stable at 3.3 per cent in 2026, supported by resilient labour markets, easing inflationary pressures and improving financial conditions, although risks from geopolitical tensions continue to weigh on the outlook.²

The Malaysian economy expanded by 5.2 per cent in 2025, underpinned by sustained domestic demand and continued investment activities. Looking ahead to 2026, Malaysia's economy is expected to continue expanding, supported by its strategic position within global semiconductor and technology supply chains, as well as the gradual recovery in global trade activities.³

Global headline inflation is projected to decline to 4.2 per cent in 2025, down from 5.8 per cent in 2024, reflecting the continued easing of global price pressures. This is supported by lower energy prices, moderating food inflation and the gradual normalisation of global supply chains.²

Global commodity prices are expected to increase in 2026, primarily driven by a sharp rise in energy prices following geopolitical tensions and supply disruptions in the Middle East. The escalation of conflict in the region resulted in higher crude oil, natural gas and fertiliser prices, contributing to renewed inflationary pressures and slower global economic growth. Looking ahead to 2027, commodity prices are expected to moderate gradually as supply conditions improve and geopolitical tensions ease, although risks associated with prolonged conflicts, trade policy uncertainty and climate-related disruptions continue to cloud the outlook.²

¹ Refers to Economic and Monetary Review 2025 by Central Bank of Malaysia, March 2026

² Refers to IMF, World Economic Outlook, April 2026


³ Refers to Economic Outlook 2025 by MOF

Overall Producer Price Index in 2025

The Producer Price Index (PPI) for Local Production decreased by 2.0 per cent in 2025, compared to an increase of 0.3 per cent in 2024. Commodity prices remained highly volatile throughout the year, particularly in petroleum products, contributing to market uncertainty.


[Chart 1]

Chart 1: Yearly PPI Local Production, 2011-2025



The year 2025 began with a 0.8 per cent increase in January 2025, followed by a moderate increase of 0.3 per cent in February 2025. Thereafter, the index recorded consecutive declines, ranging from 1.9 per cent in March 2025 to 2.7 per cent in December 2025. The lowest contraction was recorded in June 2025 at 4.2 per cent, while the highest increase was observed in January 2025 at 0.8 per cent. The fluctuations in PPI throughout the year were largely influenced by price movements of key commodities, particularly palm oil and crude oil products. [Chart 2]

Chart 2: Monthly PPI Local Production, 2025




Producer Price Index by Sector

The PPI Local Production declined by 2.0 per cent in 2025, compared to an increase of 0.3 per cent in 2024. The annual decline was mainly attributed to contractions in Mining (-8.2%) and Manufacturing (-2.1%) sectors. Meanwhile, the Agriculture, forestry and fishing increased by 3.2 per cent, while Water supply and Electricity and gas supply sectors recorded increases of 4.7 per cent and 1.9 per cent, respectively. [\[Table 1\]](#)

Table 1: PPI by Sector, 2024 and 2025

Sector	Index		Percentage Change (%)	
	2024	2025	2024	2025
Producer Price Index	118.9	116.5	0.3	-2.0
Agriculture, forestry and fishing	134.7	139.0	7.9	3.2
Mining	96.1	88.2	-2.0	-8.2
Manufacturing	120.1	117.6	-0.3	-2.1
Electricity and gas supply	118.6	120.8	0.6	1.9
Water supply	125.7	131.6	6.5	4.7

Chart 3: Annual Percentage Change of PPI by Sector, 2024 and 2025



A Agriculture, forestry and fishing


The Agriculture, forestry and fishing sector recorded a 3.2 per cent increase in 2025, following an increase of 7.9 per cent in 2024. This was primarily due to the Growing of perennial crops index, which increased by 5.3 per cent (2024: 14.1%), largely due to the Oil palm fresh fruit

bunches (FFB) index (5.4%). The remaining subsectors recorded increases in 2025 were Growing of non-perennial crops (2.0%), Fishing (1.6%), Aquaculture (0.2%) and Animal production (0.1%). In contrast, Logging index declined by 6.9 per cent. [Table 2]

Table 2: Agriculture, forestry and fishing sector, 2024 and 2025

Sector (A)	Index		Percentage Change (%)	
	2024	2025	2024	2025
Agriculture, forestry and fishing	134.7	139.0	7.9	3.2
Growing of non-perennial crops	135.8	138.5	-4.8	2.0
Growing of perennial crops	127.3	134.0	14.1	5.3
Animal production	142.3	142.5	1.2	0.1
Logging	177.2	164.9	-2.6	-6.9
Fishing	158.1	160.6	-4.4	1.6
Aquaculture	140.4	140.7	-0.3	0.2

Chart 4: Annual Percentage Change of Agriculture, Forestry and Fishing Sector, 2015-2025



On average, the FFB with a 1.0 per cent Oil Extraction Rate (OER) prices increased from RM44.98 in 2024 to RM47.39 in 2025. The improved labour situation in the oil palm plantation sector contributed to a 6.4 per cent increase in FFB yield of oil palm estates to 17.77 tonnes per hectare as against 16.70 tonnes per hectare in the preceding year. Meanwhile, the national OER performance marginally increased to 19.74 per cent from 19.67 per cent in 2024 mainly due to a higher proportion of ripe and quality FFB processed by crude palm oil (CPO) producers.⁴

⁴ Refers to Overview of The Malaysian Oil Palm Industry in 2025 by Malaysian Palm Oil Board

The increase in the Growing of non-perennial crops index was driven by stronger prices for fruits and vegetables, supported by robust domestic demand, weather-related supply disruptions and higher input costs. The increase in Animal production reflected sustained demand for livestock products and higher production costs. Meanwhile, the Fishing sector benefited from firmer seafood prices amid supply constraints associated with seasonal weather conditions.

B Mining


The Mining sector recorded a decline of 8.2 per cent in 2025, following a 2.0 per cent decrease in the previous year. The Extraction of crude petroleum index fell by 8.6 per cent, as compared to a decline of 2.8 per cent in 2024. Meanwhile, the Extraction of natural gas index recorded a decrease of 6.9 per cent, following a 0.2 per cent decline registered in the previous year.

[Table 3]

Table 3: Mining Sector, 2024 and 2025

Sector (B)	Index		Percentage Change (%)	
	2024	2025	2024	2025
Mining	96.1	88.2	-2.0	-8.2
Extraction of crude petroleum	91.9	84.0	-2.8	-8.6
Extraction of natural gas	116.2	108.2	-0.2	-6.9

Chart 5: Annual Percentage Change of Mining Sector, 2015-2025



Brent crude oil prices generally trended downward throughout 2025 amid concerns over slower global economic growth and expectations of ample oil supply. The year began with relatively firm prices, averaging around USD79 per barrel in January 2025, supported by geopolitical tensions and production restraint measures by OPEC+ producers. However, prices gradually eased during the first quarter as concerns over global demand growth intensified, particularly following signs of slower economic activity in major economies.²

² Refers to IMF, World Economic Outlook, April 2026

In the second half of the year, Brent crude oil prices remained under pressure as OPEC+ gradually increased production targets while global oil consumption expanded at a slower pace than supply. Market participants increasingly anticipated an oversupplied market, leading to continued price moderation. Despite intermittent price spikes caused by geopolitical events and disruptions to oil infrastructure, the overall trend remained subdued as global inventories continued to build.⁵

Overall, Brent crude oil averaged approximately USD69 per barrel in 2025, lower than the average of about USD81 per barrel in 2024. The decline reflected a combination of slower demand growth, increasing global oil supply and expectations of persistent market surpluses. By the end of the year, Brent crude oil prices had fallen to around USD63 per barrel, marking the lowest monthly average level since early 2021.

Manufacturing


The Manufacturing sector continued to record a decline of 2.1 per cent in 2025, following a 0.3 per cent decrease in the previous year. The decline was due to a significant drop in the Manufacture of coke and refined petroleum products index, which declined by a double-digit of 12.8 per cent (2024: -12.7%). The Manufacture of chemicals and chemical products and Manufacture of computer, electronic and optical products index also posted a decline of 5.0 per cent and 4.4 per cent, respectively. However, these declines were partially offset by increase in the Manufacture of food products by 5.8 per cent. [\[Table 4\]](#)

Table 4: Selected Index of Manufacturing Sector, 2024 and 2025

Sector (C)	Index		Percentage Change (%)	
	2024	2025	2024	2025
Manufacturing	120.1	117.6	-0.3	-2.1
Manufacture of food products	122.4	129.5	1.3	5.8
Manufacture of coke and refined petroleum products	132.6	115.6	-12.7	-12.8
Manufacture of chemicals and chemical products	120.9	114.8	-0.8	-5.0
Manufacture of rubber and plastics products	101.5	100.6	0.6	-0.9
Manufacture of computer, electronic and optical products	119.3	114.1	4.9	-4.4
Manufacture of motor vehicles, trailers and semi-trailers	124.2	123.2	3.9	-0.8

⁵ Refers to U.S Energy Information Administration, January 2026

Chart 6: Annual Percentage Change of Selected Manufacturing Sector, 2015-2025



The Manufacture of chemicals and chemical products index recorded a decrease of 5.0 per cent from a decline of 0.8 per cent in 2024. The decrease was due to the Manufacture of man-made fibres index decreased by double-digit of 20.9 per cent. Besides, Manufacture of basic chemicals, fertilizers and nitrogen compounds, plastics and synthetic rubber in primary forms index, went down by 5.8 per cent, while the Manufacture of other chemical products index decreased by 2.0 per cent.

Meanwhile, the Manufacture of computer, electronic and optical products index decreased by 4.4 per cent in 2025 after a 4.9 per cent increase in 2024. The decrease was attributed to Manufacture of computers and peripheral equipment (-8.8%), Manufacture of communication equipment (-8.1%) and Manufacture of electronic components and boards (-3.4%) indices.

The Manufacture of motor vehicles, trailers and semi-trailers index decreased by 0.8 per cent, compared to an increase of 3.9 per cent in 2024. The decrease was mainly due to the Manufacture of parts and accessories for motor vehicles (-5.5%), but partially offset by the increase in the Manufacture of motor vehicles by 2.4 per cent.

The Manufacture of food products index increased by 5.8 per cent in 2025, from a 1.3 per cent in the previous year. The Manufacture of vegetable and animal oils and fats index, which consist of products based on palm oil and palm kernels increased by 8.7 per cent (2024: 1.8%). At the same time, the Manufacture of other food products index which consist of manufacturing of bakes, cakes, bread, etc. also increased by 3.4 per cent (2024: 3.0%).

Malaysia's CPO prices recorded a notable increase in 2025, with the average annual price rising to RM4,308.17 per tonne from RM4,212.46 per tonne in 2024. Malaysian Palm Oil Board (MPOB) attributed the overall strength mainly to higher global soybean oil prices and market optimism surrounding Indonesia's planned B50 biodiesel programme. 2025 began with supply-tightness-driven strength, experienced a mid-year recovery, and then rebounded in the second half year on biodiesel optimism and stronger vegetable oil markets before easing slightly at year-end.⁴ [Table 5]

Meanwhile, the Manufacture of rubber and plastics products index which consists of rubber and plastic products posted a 0.9 per cent decline in 2025 against a 0.6 per cent increase in 2024. The decline was mainly due to Manufacture of plastics products by 2.4 per cent.

Table 5: Monthly Price of Selected Palm Oil Products, 2024 and 2025

MPOB PRICE RM PER TONNE/METRIC		Crude Palm Oil	Palm Kernel Crude Oil	Oil Palm Fresh Fruit Bunches	RBD Palm Oil
2024	January	3,783.50	3,990.00	39.28	4,006.00
	February	3,949.50	4,225.00	41.03	4,090.00
	March	4,215.50	4,744.00	44.36	4,465.00
	April	4,254.50	5,396.00	45.01	4,533.00
	May	3,902.50	4,765.00	41.07	4,069.50
	June	3,957.50	4,764.50	41.87	4,101.50
	July	4,034.00	5,421.50	43.20	4,191.00
	August	3,910.50	5,437.00	41.81	4,124.50
	September	4,023.50	5,573.50	42.84	4,190.50
	October	4,387.50	6,043.50	47.03	4,562.00
